

Simposium bincang nasib peneroka FELDA

BH 1 6 SEP 2000

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Anak-Anak Peneroka FELDA SeMalaysia dan Simposium Pembangunan Berterusan Generasi FELDA. Oktober ini dijangka membincangkan nasib dan hala tuju peneroka FELDA dalam abad ke-21.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Tan Sri Rozali Ismail, berkata program anjuran Yayasan Pembangunan Generasi FELDA Malaysia (YPGFM) dan Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) akan meniadakan medan generasi kedua peneroka membincangkan peranan mereka membantu masyarakat itu.

Katanya, simposium yang belum ditentukan tarikhnya itu akan diadakan di ibu negara dan dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rozali berkata, simposium itu juga bertujuan menubuhkan satu dana daripada generasi kedua peneroka sebagai sumbangan mereka membantu memajukan tanah rancangan FELDA.

“Sudah sampai masanya generasi kedua berpendidikan tinggi dan berkerjaya menyumbang tenaga serta kewangan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat FELDA,” katanya di pejabatnya, semalam.

Rozali berkata, antara isu yang akan dibangkitkan termasuk hak peneroka selepas menerima hak milik tanah.

Katanya, anak peneroka yang ingin menghadiri simposium itu boleh menghubungi Sekretariat 03-41481850/51 atau faks; 03-41481852 atau menerusi email anakpeneroka@hotmail.com.